



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# HUBUNGAN ANTARA MINAT, PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN TERHADAP HASRAT MEMULAKAN KERJAYA KEUSAHAWANAN DALAM TALIAN DI UITM PUNCAK ALAM, SELANGOR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## HANI UMIRAH BINTI ABDULLAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**HUBUNGAN ANTARA  
MINAT, PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN TERHADAP  
HASRAT MEMULAKAN KERJAYA KEUSAHAWANAN DALAM TALIAN  
DI UİTM PUNCAK ALAM, SELANGOR**

HANI UMIRAH BINTI ABDULLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN  
PERNIAGAAN)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada .....13.....(hari bulan).....Ogos..... (bulan) 20.21.....

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, Hani Umirah binti Abdullah, M20181000552, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Hubungan antara Minat, Pengetahuan dan Kemahiran terhadap Hasrat Memulakan Kerjaya Keusahawanan dalam Talian di UiTM Puncak Alam, Selangor.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

*Hanimirah*

Tandatangan pelajar


**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, Dr. Nurul Fadly Habidin (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Hubungan antara Minat, Pengetahuan dan Kemahiran terhadap Hasrat Memulakan Kerjaya Keusahawanan dalam Talian di UiTM Puncak Alam, Selangor.

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan Perniagaan) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

13 Ogos 2021

Tarikh

  
Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Hubungan Antara Minat, Pengetahuan dan Kemahiran Terhadap Hasrat Memulakan Kerjaya Keusahawanan dalam Talian di UiTM Puncak Alam, Selangor.

No. Matrik / Matric's No.: M20181000552

Saya / I : Hani Umirah binti Abdullah

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

*Hanimirah*

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor  
& (Nama & Cop Rasmii / Name & Official Stamp)

Tarikh: 13 Ogos 2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkennaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, Maha Penyayang. Selawat ke atas nabi Muhammad S.A.W, utusan Allah. Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah kerana memberikan saya ketabahan dan kekuatan yang saya perlukan untuk menyiapkan tesis ini. Dengan rahmat dan izin Allah, kajian ini berjaya diselesaikan. Banyak pihak terlibat dengan memberikan bantuan dan sokongan untuk menyempurnakan kajian ini.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada penyelia saya, Dr. Nurul Fadly Habidin atas segala bimbingan, nasihat dan dorongan yang baik sepanjang tempoh saya menjalankan dan menyiapkan tesis ini. Saya juga ini mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak di Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu saya, Jamilah binti Ahmad yang sentiasa memberi sokongan, berkorban masa dan tenaga serta tidak pernah putus mendoakan kejayaan saya. Begitu juga dengan suami saya, Mohamad Izzham yang telah meneman dan membantu saya dalam mengedarkan borang soal selidik. Semoga segala usaha yang dicurahkan mendapat keredhaan dan sebaik-baik balasan di sisi Allah serta memberi manfaat kepada pihak yang berkenaan.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menentukan hubungan antara minat, pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) terhadap hasrat memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian. Model Acara Keusahawanan Shapero (1982) telah digunakan sebagai asas kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif secara kaedah tinjauan, di mana borang soal selidik digunakan sebagai instrumen pengumpulan data. Sampel kajian terdiri daripada 359 orang pelajar sarjana muda UiTM Puncak Alam. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan inferens. Dapatkan kajian menunjukkan hubungan yang signifikan dan positif yang sederhana antara minat ( $r=0.670$ ), pengetahuan ( $r=0.571$ ) dan kemahiran ( $r=0.666$ ) pelajar dengan hasrat untuk memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian pada aras signifikan 0.05. Seterusnya, nilai  $R^2$  bagi minat, pengetahuan dan kemahiran ialah 0.449, 0.326 dan 0.443. Analisis regresi menunjukkan bahawa minat ( $\beta = 0.539$ ,  $p = 0.000$ ) mempunyai pengaruh yang dominan terhadap hasrat memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian, diikuti dengan kemahiran ( $\beta = 0.517$ ,  $p = 0.000$ ) dan seterusnya pengetahuan ( $\beta = 0.169$ ,  $p = 0.000$ ). Kesimpulannya, minat, pengetahuan dan kemahiran yang tinggi mempengaruhi secara signifikan hasrat pelajar untuk memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian. Sehubungan itu, minat, pengetahuan dan kemahiran pelajar haruslah ditekankan dalam usaha meningkatkan hasrat untuk memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian.





## **THE RELATIONSHIP BETWEEN INTERESTS, KNOWLEDGE AND SKILLS ON THE INTENTION TO START AN ONLINE ENTREPRENEURSHIP CAREER AT UiTM PUNCAK ALAM, SELANGOR**

### **ABSTRACT**

This study aimed to determine the relationship between interests, knowledge and skills among students of Universiti Teknologi MARA (UiTM) on the intention to start an online entrepreneurship career. Shapero Entrepreneurial Event Model (1982) was used as the basis for the study. This study used a quantitative approach and survey method, where questionnaires were used as an instrument for data collection. The study sample consisted of 359 undergraduate students from UiTM Puncak Alam. Data were analyzed using descriptive and inferential analysis. The findings showed a significant and moderate positive relationship between students' interests ( $r=0.670$ ), knowledge ( $r=0.571$ ) and skills ( $r=0.666$ ) with the intention to start an online entrepreneurship career at the significance level of 0.05. Next, the  $R^2$  values for interests, knowledge and skills were 0.449, 0.326 and 0.443. Regression analysis shows that interest ( $\beta = 0.539$ ,  $p = 0.000$ ) had a dominant influence on the intention to start an online entrepreneurship career, followed by skills ( $\beta = 0.517$ ,  $p = 0.000$ ) and then knowledge ( $\beta = 0.169$ ,  $p = 0.000$ ). In conclusion, the high interest, knowledge and skills significantly influence students' intention to start an online entrepreneurship career. Therefore, the interest, knowledge and skills of students should be emphasized in an effort to boost the intention to start an online entrepreneurship career.





## KANDUNGAN

### **Muka Surat**

<b>BORANG PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii - ix
<b>SENARAI JADUAL</b>	x - xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv



## BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Kerangka Kajian	10
1.8 Kepentingan Kajian	13
1.9 Skop dan Batasan Kajian	15
1.10 Definisi Operasional	16
1.10.1 Minat	16
1.10.2 Pengetahuan	16
1.10.3 Kemahiran	17





1.10.4 Hasrat Memulakan Kerjaya	17
1.10.5 Keusahawanan dalam Talian	18
1.11 Rumusan	19

## BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	20
2.2 Konsep Usahawan	21
2.3 Konsep Keusahawanan	22
2.4 Hasrat Memulakan Kerjaya Keusahawanan	24
2.5 Model Acara Keusahawanan Shapero (SEE)	27
2.6 Hubungan antara Minat, Pengetahuan dan Kemahiran dengan Hasrat Memulakan Kerjaya Keusahawanan dalam Talian	30
2.6.1 Minat dan Hasrat Memulakan Kerjaya Keusahawanan dalam Talian	30
2.6.2 Pengetahuan dan Hasrat Memulakan Kerjaya Keusahawanan dalam Talian	32
2.6.3 Kemahiran dan Hasrat Memulakan Kerjaya Keusahawanan dalam Talian	35
2.7 Jurang Penyelidikan	37
2.8 Rumusan	38

## BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	39
3.2 Reka Bentuk Kajian	40
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	43
3.4 Instrumen Pengukuran Pembolehubah Kajian	46
3.4.1 Pengukuran Minat, Pengetahuan, dan Kemahiran Keusahawanan dalam Talian	48
3.4.2 Pengukuran Hasrat Memulakan Kerjaya Keusahawanan dalam Talian	50
3.5 Prosedur Kajian	51
3.6 Kajian Rintis	52
3.6.1 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	53
3.6.2 Kesahan Instrumen Kajian	55





3.7 Analisis Data	59
3.7.1 Pembersihan Data	60
3.7.2 Ujian Normaliti	61
3.7.3 Statistik Deskriptif	62
3.7.4 Statistik Inferens	62
3.8 Keyakinan Interval	65
3.9 Rumusan	66

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	67
4.2 Analisis Statistik Deskriptif	68
4.2.1 Profil Responden	68
4.2.2 Statistik Deskriptif Responden Kajian	68
4.3 Analisis Statisik Inferens	72
4.4 Rumusan	80



## BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN



5.1 Pengenalan	81
5.2 Ringkasan Kajian	82
5.3 Perbincangan Kajian	83
5.3.1 Perbincangan Mengikut Persoalan Kajian	83
a) Minat	84
b) Pengetahuan	87
c) Kemahiran	89
5.4 Implikasi Dapatan Kajian	91
5.4.1 Implikasi Teori	91
5.4.2 Implikasi Praktikal	92
5.5 Cadangan untuk Kajian akan Datang	95
5.6 Kesimpulan	96

<b>RUJUKAN</b>	98
----------------	----

<b>LAMPIRAN</b>	114
-----------------	-----





## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
3.1 15 Item Elemen Minat, Pengetahuan dan Kemahiran	49
3.2 6 Item Hasrat Memulakan Kerjaya Keusahawanan dalam Talian	51
3.3 Skor Alfa Cronbach bagi Elemen Minat, Pengetahuan, Kemahiran	54
3.4 Skor Alfa Cronbach bagi Hasrat Memulakan Kerjaya Keusahawanan dalam Talian	55
3.5 Analisis Faktor bagi Hasrat Memulakan Kerjaya Keusahawanan dalam Talian	58
3.6 Analisis Faktor bagi Elemen Minat, Pengetahuan, Kemahiran	58
3.7 Rule of Thumb Size Pekali Korelasi	63
3.8 Model Umum Regresi Pelbagai	64
3.9 Model Spesifik Regresi Pelbagai	64
3.10 Deskripsi Umum Analisis Data	65
4.1 Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Jantina	69
4.2 Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Lingkungan Usia	69
4.3 Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Kos Yang Diambil	70
4.4 Bilangan dan Peratus Responden Yang Tinggal di Bandar dan Luar Bandar	71
4.5 Bilangan dan Peratus Penglibatan Keluarga Responden dalam Perniagaan	71
4.6 Bilangan dan Peratus Penglibatan Responden dalam Perniagaan dalam Talian	72





4.7	Keputusan Ujian Korelasi bagi Minat Pelajar Terhadap Hasrat Memulakan Kerjaya Keusahawanan dalam Talian	73
4.8	Ringkasan Model – Minat	73
4.9	Analisis Varians (ANOVA) – Minat	74
4.10	Keputusan Ujian Korelasi bagi Pengetahuan Pelajar Terhadap Hasrat Memulakan Kerjaya Keusahawanan dalam Talian	74
4.11	Ringkasan Model – Pengetahuan	75
4.12	Analisis Varians (ANOVA) – Pengetahuan	75
4.13	Keputusan Ujian Korelasi bagi Kemahiran Pelajar Terhadap Hasrat Memulakan Kerjaya Keusahawanan dalam Talian	76
4.14	Ringkasan Model – Kemahiran	77
4.15	Analisis Varians (ANOVA) – Kemahiran	77
4.16	Keputusan Ujian Regresi Pelbagai ke atas Pembelahan-Pembelahan bagi Meramal Hasrat Keusahawanan	78
4.17	Model Spesifik Regresi Pelbagai ke atas Pembelahan-Pembelahan bagi Meramal Hasrat Keusahawanan	78
4.18	Ringkasan Statistik Koloneariti	79





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	12
2.1 Model Acara Keusahawanan Shapero	28
3.1 The Research Onion	40
4.1 Normal Probability Plot of Regression Standardized Residual	79





## SENARAI SINGKATAN

BEPs	Blended Entrepreneurship Programs
CFA	Confirmatory Factor Analysis
GEDep	Graduate Entrepreneurship Development Programme
GEM	Global Entrepreneurship Monitor
GUESS	Global University Entrepreneurial Spirit Students' Survey
ICT	Information Communication Technology
ILO	International Labour Organization
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
KMO	Kaiser-Meyer-Olkin
KMOMSA	Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MASMED	Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development
PUNB	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
SCCT	Social Career Cognitive Theory
SEE	Shapero Entrepreneurial Event
SPSS	Statistical Package for Social Sciences
TPB	Theory of Planned Behavior
TPBEM	Theory of Planned Behavior Entrepreneurship Model
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

## SENARAI LAMPIRAN

### Muka Surat

Lampiran 1	Borang Soal Selidik	114-117
------------	---------------------	---------



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang kajian yang dijalankan dan ia meliputi beberapa bahagian iaitu latar belakang kajian dalam konteks hasrat memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian yang dihubungkaitkan dengan pengaruh minat, pengetahuan dan kemahiran. Bab ini turut membincangkan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional dan juga rumusan kajian.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 1.2 Latar Belakang Kajian

Internet adalah medium perkongsian maklumat yang pantas yang berpotensi membawa perubahan baharu dalam kehidupan masyarakat melalui penyertaan digital dalam pelbagai aspek termasuk keusahawanan (Omar, Rahim dan Dimyati, 2019). Keusahawanan sering memacu perubahan positif dalam masyarakat dengan menyediakan inovasi komersil mahupun sosial yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan sosial (Wiklund, Wright dan Zahra, 2019). Bidang keusahawanan semakin penting kerana ia berperanan merangsang pembangunan ekonomi dan mengurangkan pengangguran. Usaha dalam membudayakan keusahawanan dapat dilihat melalui dasar-dasar yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan Malaysia.



Contohnya, pelancaran beberapa polisi seperti Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi, Pelan Strategik Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi dan juga Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (Te, Abdullah dan Rashid, 2019). Dasar ini selaras dengan usaha untuk menggalakkan dan memantapkan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik dalam kalangan institusi pengajian tinggi tempatan seterusnya melahirkan lebih ramai usahawan inovatif dan berpendapatan tinggi yang bertindak sebagai pemangkin transformasi ekonomi negara menjelang 2020 (Jabatan Pendidikan Tinggi, 2017).

Menurut Global Entrepreneurship Monitor (GEM) (2017), 77.1 peratus responden rakyat Malaysia bersetuju bahawa keusahawanan merupakan pemilihan





kerjaya yang bagus. Kebanyakan institusi pengajian tinggi menawarkan kursus keusahawanan kepada pelajar untuk memberi pendedahan awal dan pengetahuan asas dalam menyediakan pelajar ke arah kerjaya keusahawanan. Penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan, ditakrifkan sebagai gabungan masa dan tenaga pelajar menumpukan kepada pelbagai isu berkaitan keusahawanan (Shirokova, Tsukanova dan Morris, 2018).

Kajian berdasarkan data Global University Entrepreneurial Spirit Students' Survey (GUESS) mendapati hanya 6 peratus pelajar mempunyai hasrat untuk menjadi usahawan sejurus selepas tamat pengajian manakala 36 peratus pelajar yang mahu menjadi usahawan selepas 5 tahun tamat pengajian (Sieger, Fueglistaller dan Zellweger, 2014). Kajian di sebuah Universiti di Kanada menunjukkan bahawa pendedahan pendidikan dalam talian (*online*) semakin meningkat dan fakulti perniagaan mempunyai jumlah pelajar yang paling ramai yang mendaftar untuk kelas tersebut iaitu sebanyak 46 peratus (Audet et al., 2018). Pendidikan keusahawanan diterapkan di institusi pengajian tinggi bagi menggalakkan lebih ramai siswazah menjadi usahawan malah, ilmu literasi digital dan kemajuan teknologi secara tidak langsung mendedahkan pelajar kepada pelbagai ilmu keusahawanan di alam maya.

Ledakan informasi teknologi maklumat atau secara ringkasnya digelar ICT (*Information Communication Technology*), membawa perubahan yang besar dalam kehidupan kita pada era masa kini. Internet merupakan saluran maklumat dan komunikasi utama yang digunakan secara meluas (Hassan dan Rashid, 2012).





Tinjauan statistik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia menunjukkan pengguna internet di Malaysia pada tahun 2018 adalah sebanyak 87.4 peratus penduduk meningkat dari 76.9 peratus pada tahun 2016. Terdapat kira-kira 28.7 juta pengguna internet pada tahun 2018 di Malaysia, peningkatan dari 24.5 juta pengguna pada tahun 2016. Perkembangan teknologi maklumat telah mencapai suatu tahap di mana ia memberi impak yang besar dalam kehidupan pelajar.

Menurut Rosliza et al. (2018), ketagihan internet berpotensi mempengaruhi pencapaian akademik dan interaksi sosial pelajar universiti. Teknologi ini telah wujud sebagai satu bentuk perantaraan untuk tujuan komunikasi yang menghubungkan individu merentasi sempadan dan juga sebagai ejen pengedaran maklumat. Kini, teknologi telah berevolusi dan memberi pengaruh yang lebih mendalam seperti penggunaan rangkaian “internet” untuk pelbagai tujuan seperti pengiklanan dan perniagaan. Hal ini dapat dilihat dengan wujudnya aplikasi dalam talian seperti *Facebook*, *Instagram*, *Shopee* dan juga aplikasi e-perniagaan yang lain yang memudahkan urusan jual beli. Omar, Rahim dan Dimyati (2019) turut menyatakan bahawa penglibatan usahawan dalam keusahawanan dalam talian menuntut mereka menggunakan internet bagi mengoperasi perniagaan.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Isu pengangguran telah berkembang menjadi isu yang serius selari dengan senario ekonomi semasa bukan sahaja pada negara yang sedang membangun tetapi juga pada



negara maju (ur Rahman, Khan dan Jamal, 2019). Antara punca utama isu pengangguran ialah faktor lambakan mahasiswa dalam bidang pengkhususan masing-masing daripada jumlah penawaran buruh. Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) (2019) melaporkan bahawa kadar pengangguran serantau Asia dijangka kekal sekitar 3.6 peratus hingga tahun 2020, di bawah purata global. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran pada September 2018 hingga Januari 2019 kekal 3.3% dengan jumlah seramai 515.6 ribu orang.

Menurut Jamaluddin, Ali, Kadir, Kamis dan Mohamed (2019), satu dari empat graduan universiti tidak boleh mendapatkan pekerjaan dalam tempoh enam bulan dan hanya dua peratus siswazah muda memulakan perniagaan mereka sendiri. Ayob,

Daud dan Ismail (2017) menyatakan bahawa bidang keusahawanan dilihat mampu yang memberi impak positif kepada pembangunan ekonomi Malaysia. Keusahawanan

kini boleh dikategorikan sebagai satu kerjaya yang dapat membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan membanteras pengangguran. Namun, Auwalu (2014) menyatakan bahawa hasrat keusahawanan masih kurang dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Global Entrepreneurship Monitor (GEM) di 54 buah negara tentang hasrat keusahawanan, didapati bahawa Malaysia menduduki tempat ke 24 iaitu hanya mencapai skor sebanyak 17.6 peratus berbanding dengan negara lain yang mempunyai skor tertinggi seperti United Arab Emirates 56.3 peratus, Egypt 55.5 peratus dan Colombia 52.5 peratus (GEM, 2018).



Menurut Chan, Selvadurai, Hamid dan Nurdin (2015), keusahawanan berdasarkan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dan internet semakin popular sebagai aset penciptaan kekayaan dan pemerolehan harta di dunia masa kini. Dalam era kemajuan teknologi maklumat, perkembangan teknologi telah mewujudkan platform keusahawanan seperti keusahawanan dalam talian yang secara tidak langsung telah memberi kesan dalam pembangunan ekonomi negara.

Minat haruslah diterapkan seawal mungkin untuk membudayakan keusahawanan dalam kalangan belia (Yuson, Arjunan dan Al Bakri, 2018). Menurut Ahmad (2018), minat ditambah dengan kemahiran yang dimiliki membolehkan individu yang bermula dengan modal yang kecil sebagai agen *dropship* sehingga menjadi usahawan dan memiliki perniagaan sendiri. Martin dan Tiu Wright (2005) pula menyatakan bahawa penggunaan ICT adalah penting dan unik kerana ia membolehkan perniagaan kecil dan pemilik keusahawanan memperbaiki strategi mereka untuk mencapai kejayaan.

Menurut Nasharudin dan Harun (2010), kaum Bumiputera lebih berminat untuk menjadi pekerja sektor awam (kerajaan), sektor pertanian, pembuatan dan lain-lain kegiatan ekonomi tetapi tidak dalam sektor perniagaan dan keusahawanan. Ini dapat dilihat melalui penyertaan Bumiputera dalam sektor perdagangan adalah rendah dan tidak setanding kaum bukan Bumiputera. Pendedahan kepada keusahawanan dalam talian penting kepada pelajar kerana kefahaman yang kurang akan mendorong





pelajar kurang memberi tumpuan dan kurang minat terhadap sesuatu perkara (In dan Ahmad, 2019).

Pendidikan keusahawanan telah berkembang dengan pesat di institusi pendidikan di seluruh dunia (Fretschner dan Weber, 2013). Alves, Fischer, Schaeffer dan Queiroz (2019) menyatakan bahawa universiti telah mula memainkan peranan melangkaui peranan sedia ada sebelum ini dengan penglibatan dalam kegiatan keusahawanan dan memanfaatkan kemajuan sains dan teknologi. Lorz, Mueller dan Volery (2013) mendapati kajian yang menganalisis impak pendidikan keusahawanan terhadap sikap keusahawanan, hasrat keusahawanan dan kegiatan usahawan telah melaporkan kesan yang positif. Institusi pendidikan tinggi kini mempunyai peningkatan permintaan untuk pembelajaran dalam talian disebabkan kemajuan teknologi dan komunikasi (Norris, 2016).

Namun, Afifuddin (2015) berkata bahawa kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan masih kurang kerana pelajar memilih untuk bekerja dan menerima gaji sahaja. Beliau menegaskan bahawa pelajar tidak mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang keusahawanan yang dipelajari ke arah memilih keusahawanan sebagai kerjaya sebaliknya hanya memfokuskan tentang gaji yang diperoleh melalui pekerjaan. Grimaldi, Kenney, Siegel dan Wright (2011) pula menyatakan bahawa tingkah laku keusahawanan dalam diri pelajar di peringkat pengajian tinggi kurang mendapat perhatian daripada yang sepatutnya. Masa depan yang cerah dapat dikecapi dengan keberanian pelajar mengambil risiko memulakan





kerja keusahawanan dengan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.

Kegawatan ekonomi mendorong kesukaran untuk pelajar memulakan pekerjaan sekaligus menimbulkan masalah kewangan kepada mereka. Menurut kajian Strada-Gallup College Student Survey (2017), hanya satu pertiga (34 peratus) daripada pelajar yang percaya mereka akan berjaya memasuki pasaran pekerjaan dengan pengetahuan dan kemahiran yang ada. Lazimnya, wujudkekangan dari aspek kos, masa, keperluan kebergantungan kepada sumber manusia dan proses penyediaan premis bagi pelajar yang ingin menjadi usahawan (Azmi, Sabri dan Moi, 2018).



Kemahiran literasi digital berguna untuk pelajar mencari maklumat dalam internet, memupuk pengetahuan dan mengamalkan kemahiran dengan menggunakan alat digital yang sesuai (Omar, Juhdi, Hassan dan Rahman, 2018). Penggunaan internet masa kini tidak hanya memfokuskan kepada teknologi semata-mata, tetapi sebaliknya penggunaan internet dimanfaatkan dengan memperkenalkan model perniagaan baru kepada sektor perniagaan tradisional (Guo, Cai dan Zhang, 2016). Kajian di India menunjukkan bahawa 56 peratus pengguna internet di India menggunakan laman sesawang untuk meningkatkan kemahiran digital dan kemahiran komunikasi mereka (Mahajan, 2009). Keusahawanan merupakan bidang yang berpotensi untuk diterokai seiring dengan kepesatan teknologi maklumat pada masa kini.





## 1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah untuk melihat hasrat memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian dalam kalangan pelajar UiTM yang mempunyai ilmu keusahawanan. Secara khususnya, kajian ini akan melihat hubungan antara minat, pengetahuan dan kemahiran terhadap hasrat memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian. Maka, kajian ini bertujuan:

1. Menentukan hubungan antara minat dengan hasrat memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian.
2. Menentukan hubungan antara pengetahuan dengan hasrat memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian.
3. Menentukan hubungan antara kemahiran dengan hasrat memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian.



## 1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini cuba menjawab soalan kajian yang bertepatan dengan objektif kajian ini.

Berikut adalah soalan kajian telah dikenal pasti iaitu:

- i. Adakah terdapat hubungan antara minat dengan hasrat memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian?





- ii. Adakah terdapat hubungan antara pengetahuan dengan hasrat memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara kemahiran dengan hasrat memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Hasil daripada pernyataan masalah dan persoalan kajian yang telah dibincangkan, maka terdapat beberapa hipotesis yang dibentuk untuk kajian ini iaitu:

Ho1: Terdapat hubungan yang signifikan antara minat dengan hasrat untuk memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian.

Ho2: Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan hasrat untuk memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian.

Ho3: Terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran dengan hasrat untuk memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian.

## 1.7 Kerangka Kajian

Kerangka kajian ialah gambaran idea yang mendorong ke arah perancangan dan pelaksanaan sesuatu kajian. Menurut Rauf, Wahab dan Ah (2019), kerangka kajian membekalkan landasan kepada kajian melalui penjelasan pendekatan yang digunakan




dan dianggap sebagai tempat rujukan yang menyediakan konteks bagi penelitian masalah atau persoalan yang menjadi fokus kajian.

Kajian ini terdiri daripada tiga elemen iaitu minat, pengetahuan dan kemahiran sebagai pembolehubah bebas dan juga hasrat memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian sebagai pembolehubah bersandar. Terdapat pelbagai teori yang telah dibangunkan berkaitan hasrat untuk memulakan kerjaya keusahawanan seperti *Shapero Entrepreneurial Event (SEE)* Model oleh Shapero (1982), *Social Career Cognitive Theory (SCCT)* oleh Lent, Brown dan Hackett (1987) dan *Theory of Planned Behavior (TPB)* oleh Ajzen (1991). Model Acara Keusahawanan Shapero (1982) telah digunakan dalam kajian ini kerana model SEE menawarkan kerangka yang bersesuaian dengan kajian ini dan memberikan penerangan jelas dan lebih mendalam tentang hasrat untuk memulakan kerjaya keusahawanan (Krueger, 1993).

Umumnya, teori yang diperkenalkan oleh Shapero (1982) terdiri daripada tiga dimensi iaitu yang pertama, persepsi terhadap keinginan (*perceived desirability*), diikuti dengan persepsi terhadap kemampuan (*perceived feasibility*) dan kecenderungan untuk bertindak (*propensity to act*). Secara khususnya, pengkaji menghubungkaitkan persepsi terhadap keinginan dengan minat pelajar untuk memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian, persepsi terhadap kemampuan dengan pengetahuan dan kemahiran pelajar tentang keusahawanan dalam talian dan kecenderungan untuk bertindak melalui hasrat memulakan kerjaya dengan minat, pengetahuan dan kemahiran tentang keusahawanan dalam talian yang pelajar miliki.

Menurut Kim (2019), banyak model perniagaan telah digunakan untuk keusahawanan dalam talian dan yang lain turut disesuaikan serta memanfaatkan internet dan teknologi mudah alih. Moghavvemi dan Akma (2014) menyatakan kepentingan menyiasat tingkah laku usahawan dalam penggunaan teknologi kerana teknologi sering digunakan sebagai sumber peluang untuk mencipta usaha baru dan meningkatkan prestasi kerja dalam aktiviti perniagaan harian mereka.

Kerangka konseptual kajian dibentuk selari dengan objektif dan persoalan kajian iaitu untuk menentukan hubungan minat, pengetahuan dan kemahiran dengan hasrat untuk memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian dalam kalangan pelajar UiTM. Dalam kajian ini, pengkaji telah merangka kerangka konseptual kajian seperti dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian



## 1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberikan maklumat kepada golongan muda khususnya pelajar berkaitan keusahawanan dalam talian sekaligus mencetuskan idea dan hasrat untuk memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian. Pembolehubah bebas seperti minat, pengetahuan dan kemahiran mempengaruhi keputusan dan membantu pelajar dalam membuat pemilihan dan meningkatkan hasrat untuk memulakan kerjaya dalam bidang keusahawanan dalam talian. Kajian ini akan menyumbang kepada permulaan kerjaya pelajar yang menjadi permasalahan utama kepada pelajar-pelajar universiti.



Kajian ini juga boleh memberi maklum balas tentang hubungan antara model SEE ke arah hasrat keusahawanan pelajar sekaligus memberi manfaat kepada pihak lain seperti pihak universiti dan kerajaan. Pelbagai program keusahawanan dilakukan di peringkat universiti seperti Graduate Entrepreneurship Development Programme (GEDep) kepada pelajar yang telah tamat pengajian untuk melatih mereka ke arah pengurusan perniagaan kecil. Selain itu, program seperti *Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development* (MASMED) juga membuka peluang kepada pelajar UiTM untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan.

Pihak universiti boleh menggunakan kajian ini sebagai rujukan dalam merancang dan mewujudkan lebih banyak strategi dan pendekatan yang menarik dan berkesan dalam memupuk semangat pelajar ke arah keusahawanan dalam talian selari dengan perkembangan teknologi dan komunikasi masa kini. Bukan itu sahaja, kajian





ini memberi manfaat kepada pihak kerajaan kerana mereka bertanggungjawab terhadap ekonomi negara dan mencipta pelbagai peluang dan program bagi memastikan kestabilan ekonomi. Keusahawanan dalam talian merupakan kunci kepada pembangunan ekonomi yang pesat dan teguh. Bantuan dari pihak kerajaan berbentuk modal seperti penyediaan atau pinjaman dana, bimbingan dan latihan dapat membantu pelajar memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian. Oleh itu, kajian ini dapat membantu kerajaan dalam menentukan aspek yang perlu diberi perhatian dalam membantu pelajar ke arah memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian.

Selain itu, kajian ini boleh digunakan sebagai bahan dan sumber serta penyelidikan lanjutan kepada pengkaji lain yang ingin menjalankan kajian dalam bidang berkaitan. Kajian ini juga boleh dimanfaatkan oleh individu dalam bidang berkaitan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan produktiviti mereka dalam menginovasi dan membuat penambahbaikan terhadap perniagaan mereka. Lekovic dan Bobera (2018) menyatakan bahawa persepsi dan kesedaran tentang kemahiran keusahawanan mendorong kepada pemilihan kerjaya yang bagus dan imej positif media sosial memberi kesan kepada permulaan kerjaya keusahawanan dalam talian. Media sosial dan aplikasi internet merupakan alternatif atau pembaharuan yang boleh diaplikasikan oleh usahawan untuk meluaskan pengaruh perniagaannya.





## 1.9 Skop dan Batasan Kajian

Skop kajian ini adalah untuk melihat hubungan minat, pengetahuan dan kemahiran terhadap hasrat untuk memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian dalam kalangan pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM). UiTM dipilih kerana ia merupakan sebuah universiti bumiputera yang menekankan bidang keusahawanan selari dengan misi korporat MARA iaitu “menerajui bidang keusahawanan, pendidikan dan pelaburan dalam penguasaan ekuiti Bumiputera”. UiTM juga pernah dinobatkan sebagai Universiti Keusahawanan sempena Malam Gala Keusahawanan Pengajian Tinggi.



sahaja kerana mereka mempunyai pengetahuan tentang keusahawanan semasa peringkat diploma atau asasi. Pelajar sarjana muda telah dipilih agar mereka didedahkan dengan persekitaran dan peluang pekerjaan dalam bidang keusahawanan dalam talian sebelum mereka menghadapi alam pekerjaan. Pelajar dipilih sebagai responden kerana Aminudin (2017) menyatakan bahawa pelajar khususnya golongan remaja yang mempunyai mental dan fizikal yang kuat akan dapat menyumbang kepada pembangunan negara dan merupakan aset pembangunan negara pada masa akan datang. Segala analisis data yang dibuat adalah berdasarkan jawapan yang diterima dari responden terpilih sahaja. Hasil kajian ini tidak menggambarkan keseluruhan pelajar UiTM tetapi boleh dijadikan panduan kepada pengkaji-pengkaji lain dalam kajian mereka mengenai keusahawanan. Kajian ini juga hanya terhad kepada pengaruh keusahawanan dalam talian sahaja. Kemungkinan terdapat faktor





lain yang mempengaruhi pelajar ke arah kerjaya keusahawanan yang mungkin sesuai digunakan bergantung kepada objektif kajian dan bidang kajian yang hendak dikaji.

## 1.10 Definisi Operasional

Berikut merupakan definisi kepada istilah-istilah yang kerap digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini.

### 1.10.1 Minat

Minat adalah suatu keinginan atau keadaan di mana seseorang memberikan perhatian kepada sesuatu disertai hasrat untuk mengetahui, mempelajari dan membuktikannya (Pramono, 2001). Minat ialah pengaruh utama dan menjadi asas kepada seseorang dalam menceburi bidang keusahawanan (Nawi dan Othman, 2019). Kemajuan dalam teknologi maklumat dan komunikasi telah mendorong minat terhadap inovasi dalam perniagaan (Ogream, 2015). Oleh itu, minat terhadap keusahawanan dalam talian boleh didefinisikan sebagai keinginan seseorang terhadap bidang keusahawanan yang dispesifikkan kepada keusahawanan dalam talian selari dengan kemajuan bidang teknologi.

### 1.10.2 Pengetahuan

Perkembangan teknologi tidak boleh dipisahkan daripada perkembangan sains dan tempat untuk perkembangan pengetahuan adalah melalui proses





pendidikan (Rivai, Ridwan, Supriyati dan Rahmawati, 2019). Tumpuan pendidikan dalam talian adalah pada penyampaian data, bukan penglibatan pelajar dengan bahan atau prosesnya (Natale dan Libertella, 2016). Dalam kajian ini, pengetahuan terhadap keusahawanan dalam talian dapat diperoleh melalui pendidikan perniagaan di fakulti-fakulti perniagaan yang disediakan di universiti atau institusi pengajian tinggi.

#### 1.10.3 Kemahiran

Kemahiran penggunaan teknologi maklumat adalah kecekapan mencari maklumat daripada pelbagai sumber, terutamanya daripada sistem dalam talian dan kemampuan untuk menyampaikan maklumat yang telah digubal

dalam bentuk multimodal dengan berkesan (Azaman dan Buang, 2019).

Kemahiran perniagaan dalam kajian ini memfokuskan kepada kemahiran berkomunikasi atau kemahiran bernesiga lain, tetapi turut memfokuskan kepada kemahiran penggunaan teknologi untuk menjalankan keusahawanan dalam talian.

#### 1.10.4 Hasrat Memulakan Kerjaya

Hasrat memulakan kerjaya bermaksud pelajar belum mempunyai pekerjaan dan mempunyai hasrat untuk menceburkan diri dalam memilih sesuatu bidang sebagai kerjaya pilihan. Pendedahan tentang keusahawanan dalam talian di institusi pendidikan memberi aspirasi kepada pelajar sama ada berhasrat ingin menceburkan diri dalam memulakan kerjaya keusahawanan dalam talian atau





bekerja di organisasi atau syarikat (Nabi, Walmsley, Liñán, Akhtar dan Neame, 2018). Carter, Gartner, Shaver dan Gatewood (2003) pula menyatakan bahawa permulaan sesuatu kerjaya bukan dicipta secara tidak sengaja tetapi memerlukan tempoh dan usaha yang mendalam untuk membina sesebuah perniagaan. Oleh itu, aspek yang dititikberatkan ialah minat, pengetahuan dan kemahiran tentang perniagaan yang mendorong kepada hasrat permulaan kerjaya pelajar.

#### 1.10.5 Keusahawanan dalam Talian

Keusahawanan dalam talian merupakan permodenan dari aspek cara menjalankan perniagaan sendiri selari dengan penggunaan teknologi masa kini. Menurut Azman dan Amin (2018), perniagaan dalam talian adalah urusan jual beli yang dijalankan menggunakan internet sebagai medium perhubungan antara satu sama lain. Le Dinh et al., (2018) memberi definisi keusahawanan digital sebagai pembaharuan keusahawanan tradisional dengan cara mewujudkan dan menjalankan perniagaan di era digital. Membeli belah dalam talian telah menjadi keutamaan perniagaan masa kini dan mempengaruhi ekonomi dunia kerana lebih banyak pertukaran perniagaan dijalankan di laman sesawang (Reddy dan Sunitha, 2018). Oleh itu, keusahawanan dalam talian dapat didefinisikan sebagai proses menjalankan perniagaan sendiri dengan menggunakan bantuan teknologi maklumat dan komunikasi seperti penggunaan *Facebook*, *Instagram*, *Whatsapp*, *Telegram*, *Shopee*, *Lazada* dan juga aplikasi lain secara dalam talian.





## 1.11 Rumusan

Secara keseluruhan, bab ini menjelaskan tentang latar belakang kepada permasalahan kajian iaitu minat, pengetahuan dan kemahiran yang mempengaruhi kecenderungan pemilihan keusahawanan dalam talian sebagai kerjaya pilihan. Permasalahan kajian dibincangkan berdasarkan kajian-kajian lepas mengenai faktor-faktor kecenderungan keusahawanan dipilih untuk dijadikan rujukan dalam penyelidikan ini kelak. Berdasarkan permasalahan kajian, objektif dan persoalan kajian dibina untuk menjawab permasalahan yang timbul. Kerangka kajian digunakan untuk menerangkan hubungan antara pembolehubah kajian. Dari aspek batasan, kajian ini terhad kepada pelajar UiTM sahaja. Kajian ini akan dilanjutkan dengan mengambil kira teori-teori dan kajian lepas yang akan dibincangkan dalam bab seterusnya iaitu dalam tinjauan literatur.

